

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2022
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 1 & 3

Ekonomi Malaysia alami kesan lebihan wang

Ekonomi Malaysia alami kesan lebihan wang



Memandangkan lebih banyak wang tunai masih di tangan orang ramai, terutama dalam kalangan ahli KWSP, perbelanjaan pengguna dijangka berterusan

Mohd Afzanizam Abdul Rashid, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd

Kuala Lumpur: Malaysia sedang mengalami kesan daripada lebihan wang dalam ekonomi berikutan pelaksanaan beberapa pakej rangsangan berkaitan pandemik COVID-19 dan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Keadaan itu sekali gus menetsukan satu kesan yang dipanggil sebagai 'Cantillon Effect' yang merujuk kepada ahli ekonomi abad ke-18, Richard Cantillon. Teori Cantillon merujuk kepada permintaan yang mengalir ke dalam ekonomi di mana pe-

nawaran tidak mampu memenuhinya sehingga menyebabkan kenaikan harga atau inflasi.

Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini mengunjurkan inflasi keseluruhan menyederhana antara 2.2 peratus dan 3.2 peratus tahun ini berbanding 2.5 peratus pada 2021.

"Dengan usaha kerajaan sejak dua tahun lalu mengumumkan beberapa pakej rangsangan bagi membantu rakyat semasa pandemik, ditambah pula dengan empat kali pengeluaran daripada KWSP, ya ia sedikit se-

banyak kita sedang mengalami kesannya," kata Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, semalam.

Mohd Afzanizam berkata, memandangkan lebih banyak wang tunai masih di tangan orang ramai, terutama dalam kalangan ahli KWSP, perbelanjaan pengguna dijangka berterusan, khususnya memandangkan penggunaan swasta membentuk 58.8 peratus daripada ekonomi.

Nasional 3

Jejas peluang jana pendapatan daripada simpanan

Dari Muka 1

"Impak ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) boleh menjadi agak ketara.

"Namun dalam jangka masa panjang, simpanan ahli KWSP agak terjejas kerana mereka mungkin terlepas kesan menjana pendapatan daripada simpanan mereka," katanya sambil mengingatkan bahawa hanya sedikit simpanan yang boleh dibelanjakan pada masa hadapan apabila ahli KWSP bersara.

Sehingga 14 April lalu, KWSP menerima 5.3 juta permohonan

bernilai lebih RM40 bilion di bawah kemudahan pengeluaran khas.

Menurut KWSP, tiga sebab utama ahli memohon untuk pengeluaran khas bagi menampung pengurangan dalam pendapatan atau gaji (24 peratus), membantu pasangan atau ahli keluarga yang terjejas (23 peratus) dan meningkatkan sumber pendapatan (14 peratus).

Melayu Bumiputera adalah kaum terbesar memohon iaitu 63 peratus, diikuti kaum Cina (12 peratus) dan India (7 peratus), manakala baki 17 peratus adalah

Bumiputera Sabah dan Sarawak, serta bukan warga Malaysia.

Mohd Afzanizam juga berkata, dasar pengembangan monetari dan fiskal turut memberi manfaat kepada pelabur berikutan reaksi pasaran saham yang positif terhadap berita mengenai usaha campur tangan pihak berkuasa ke atas ekonomi.

"Inilah yang berlaku dalam pasaran saham pada 2020 yang meningkat semula secara ketara selepas kerajaan dan bank pusat global melaksanakan usaha rangsangan ekonomi secara besar-besaran apabila sebahagian besar negara terabit menguatkuasakan sekatan pergerakan yang memberi impak serius ke atas ekonomi masing-masing.

"Bagaimanapun, orang biasa atau mereka yang bergaji masih bergelut untuk mendapatkan pekerjaan baharu, selain mengalami pendapatan yang berkurangan.

"Malah, dari sudut tertentu, manfaat bersih daripada rangsangan ekonomi itu lebih kepada orang awam yang melabur," katanya.

Mohd Afzanizam menasihatkan orang ramai supaya bersikap munasabah dan praktikal pada masa ini.

"Di sinilah celik kewangan perlu bermula dan saya rasa syarikat teknologi kewangan yang semakin berkembang yang memberikan nasihat dan platform pelaburan perlu menembusi masyarakat umum.

"Kita sedar bahawa kita tidak berdaya untuk menangani tekanan inflasi yang semakin me-



KWSP menerima 5.3 juta permohonan bernilai lebih RM40 bilion di bawah kemudahan pengeluaran khas. (Foto hiasan)

tingkat, namun mungkin, dengan melabur kita mempunyai peluang yang lebih baik untuk mengatasi inflasi," katanya.

BNM baru-baru mengambil keputusan mengejutkan dengan menaikkan kadar faedah, kenaikan pertama sejak Julai 2020, yang mana pelaksanaannya hanya dijangkakan pada separuh kedua tahun ini.

Sama ada 'dos' kedua atau malah 'dos penggalak', kenaikan kadar adalah suatu yang perlu bagi tempoh berbaki tahun ini untuk mengekang peningkatan inflasi, ia belum dapat dipastikan lagi.

Namun, keputusan lebih awal daripada dijangkakan itu menandakan bahawa negara mencatatkan pemulihan ekonomi yang kukuh.

Malaysia merekodkan pertumbuhan lima peratus bagi suku pertama 2022 daripada penguncupan 0.5 peratus pada suku yang

sama tahun sebelumnya, disokong oleh peningkatan permintaan domestik, kadar pekerjaan yang lebih baik dan kelonggaran langkah-langkah membanding pandemik COVID-19 di tengah-tengah peralihan negara ke fasa endemik.

AmBank Research mengangap bahawa kenaikan kadar lebih awal oleh BNM itu membandingkan ia memilih untuk mengikut trend menaikkan kadar oleh bank pusat global dan dengan inflasi masih menjadi keseimbangan utama, firma penyelidikan itu percaya satu hingga dua lagi kenaikan kadar akan dilaksanakan pada tahun ini.

Sebelum kenaikan itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 1.75 peratus sejak Julai 2020 yang mencecah paras terendahnya selepas bank pusat mengurangkannya sebanyak 125 mata asas sejak bermulanya pandemik COVID-19. BERNAMA

Ibadat & Fadilat

Jabir RA berkata beliau mendengar Nabi SAW bersabda:
 "Bukan amal seseorang memasukkannya ke syurga atau melepaskannya daripada neraka, termasuk juga aku, tetapi adalah semata-mata rahmat Allah SWT belaka." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:18	4:40	7:29	8:44
Alor Setar	5:50	1:17	4:40	7:29	8:43
P. Pinang	5:51	1:17	4:40	7:28	8:42
Ipoh	5:50	1:15	4:38	7:24	8:38
Kuala Lumpur	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Shah Alam	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Johor Bahru	5:44	1:04	4:27	7:09	8:22
Kuantan	5:44	1:07	4:30	7:14	8:27
Seremban	5:49	1:11	4:34	7:17	8:30
Bandar Melaka	5:49	1:10	4:33	7:16	8:29
Kota Bharu	5:43	1:10	4:32	7:21	8:31
K. Terengganu	5:40	1:06	4:29	7:16	8:30
Kota Kinabalu	4:49	12:16	3:38	6:26	7:40
Kuching	5:18	12:39	4:02	6:44	7:57